

JENAYAH



MOHAMAD  
FAROUK  
ESHAK

# GOLONGAN B40

## Sasaran Penjenayah Curi Motosikal

KITA sedia maklum bahawa motosikal berkuasa rendah merupakan antara kenderaan yang paling banyak digunakan oleh rakyat Malaysia, terutamanya kumpulan berpendapatan rendah (B40). Kenderaan jenis ini bukan sahaja murah tetapi efektif dari segi penggunaan bahan api dan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.

**D**isebabkan penggunaannya yang meluas dan mempunyai permintaan yang tinggi, motosikal berkuasa rendah menjadi antara harta benda yang paling kerap dicuri di negara ini.

Menurut statistik polis, jenayah indeks harta benda melibatkan kecurian motosikal berkuasa rendah merupakan kes paling tinggi dicatatkan berlaku di Malaysia. Pada tahun 2020, jumlah motosikal yang dicuri mencecah 16 058 buah. Jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding dengan kes kecurian kereta, iaitu sebanyak 4595 buah pada tahun yang sama. Sementara itu, kecurian kenderaan lain seperti van, lori, pengegelek jalan (*steamroller*) dan sebagainya pula mencecah 925 buah.

Bilangan motosikal yang dicuri pula berbeza mengikut negeri dengan kecurian paling tinggi dicatatkan di Selangor, iaitu sebanyak 4338 buah. Sementara itu, kes paling rendah pula dicatatkan di Perlis dengan 93 buah motosikal. Begitu pun, di kebanyakan negeri, kes kecurian motosikal merupakan jenayah yang paling kerap berlaku.

Menurut perangkaan yang dilaksanakan oleh Majlis Reduksi Kecurian Kenderaan Malaysia Bhd. (VTREC), berdasarkan tuntutan insurans motosikal bagi suku pertama hingga suku ketiga tahun 2020, sebanyak 10 jenis motosikal yang sering menjadi buruan sindiket curi motosikal dan jenis motosikal tersebut seperti dalam jadual yang berikut:

**Jadual** Jenis Motosikal yang Sering Diburu Sindiket Curi Motosikal.

Bil.	Jenis Motosikal	Bilangan Tuntutan Insurans
1	Yamaha 135LC	962
2	Honda C100	365
3	Yamaha 125ZR	355
4	Yamaha Y15ZR	315
5	Yamaha Lagenda	155
6	Honda Wave	113
7	Yamaha Ego	69
8	Modenas Kriss	55
9	Honda Ex5	36
10	Kawasaki KR150	21
<b>Jumlah</b>		<b>2446</b>

Sumber: IPD Ampang Jaya.

### MODUS OPERANDI SINDIKET

Pada kebiasaannya, penjenayah menjalankan jenayah curi motosikal secara berpasangan. Mereka akan memecahkan mangga pemegang dan menghidupkan enjin dengan menggunakan kunci induk, manakala pasangan penjenayah yang lain akan menggunakan pemotong suis enjin untuk menghidupkannya. Modus operandi ini hanya memerlukan dua minit untuk melarikan sebuah motosikal.

Langkah yang lebih rumit adalah seperti mencurahkan asid atau cecair nitrogen untuk memecahkan mangga, menggunakan kunci yang diubah suai atau digandakan dan menggunakan van atau lori untuk mengangkut motosikal yang disasarkan. Oleh itu, jangan terkejut apabila saya mendedahkan sindiket curi motosikal ini turut dianggotai oleh golongan remaja. Bahkan, ada dalam kalangan mereka masih bersekolah.

Motosikal yang dicuri akan ditukarkan set penutup enjin. Nombor casis, iaitu nombor badan kenderaan serta nombor enjin turut diubah dengan menggunakan peralatan khas. Setelah itu, motosikal tersebut akan dijual kepada orang awam dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran. Di Ampang Jaya misalnya, ada sindiket curi motosikal yang berjaya ditumpaskan pada tahun 2020 dan siasatan pihak polis mendapati penjenayah menjual motosikal yang dicuri, terutamanya jenis Yamaha 125ZR hanya dalam lingkungan harga RM500 hingga RM800, jauh lebih murah berbanding dengan harga sebenar. Selain itu, hasil soal siasat yang dijalankan terhadap sindiket curi motosikal di Sibu, Sarawak, pada tahun 2018 mendapati motosikal yang dicuri akan dijual kepada pekerja ladang kelapa sawit bermula dengan harga RM500 hingga RM700 sebuah. Sementara itu, di Shah Alam, Selangor, pada tahun 2017, pihak polis mendapati setiap motosikal yang dicuri dijual semula kepada orang awam dalam lingkungan harga RM500 hingga RM2000 sebuah. Dalam hal ini, kemudahan untuk membayar secara ansuran juga turut disediakan.

Sekiranya tidak dijual, komponen motosikal akan dileraikan dan dijual kepada pemilik bengkel motosikal serta pengguna motosikal sama ada secara langsung ataupun secara dalam talian. Komponen motosikal yang paling laris serta banyak dijual secara dalam talian ialah sport rim. Sebagai contoh, sport rim Yamaha 135LC merupakan antara komponen motosikal yang mempunyai permintaan yang tinggi dan dijual secara dalam talian dengan harga RM200 hingga RM300. Selain set meter laju (*speedometer*), lampu hadapan motosikal Yamaha Y15ZR turut mendapat permintaan.

### ELAK MOTOSIKAL DICURI

Sesungguhnya amat mustahil bagi pemilik motosikal untuk berada bersama-sama motosikal miliknya untuk tempoh 24 jam setiap hari. Suka atau tidak, pemilik

➔ Antara kaedah yang mudah untuk mengelakkan motosikal dicuri adalah dengan memasang sistem penggera antikecurian motosikal, memasang mangga pada motosikal yang kukuh dan tidak meletakkan motosikal di kawasan yang sunyi.

motosikal terpaksa meninggalkan motosikal mereka di tempat parkir sama ada di perkarangan rumah, di bawah pangsapuri, di kawasan parkir rumah kedai atau pasar raya. Oleh itu, antara kaedah yang mudah untuk mengelakkan motosikal dicuri adalah dengan memasang sistem penggera antikecurian motosikal, memasang mangga pada motosikal yang kukuh dan tidak meletakkan motosikal di kawasan yang sunyi. Selain itu, meninggalkan tanda kekal pada komponen motosikal juga amat membantu kerana komponen yang telah ditandakan adalah sukar untuk dijual semula. Tambahan pula, tanda tersebut amat membantu pihak polis untuk mengesan motosikal yang dicuri.

Selain itu, pemilik motosikal juga boleh menggantikan set penutup motosikal asal dengan set penutup kosong, iaitu tanpa nama model serta tanda-tanda lain atau pelekat. Tindakan ini akan mengelakkan motosikal anda daripada menjadi sasaran utama sindiket yang mengejar masa semasa mencuri motosikal.

Sekiranya anda menggunakan rantai untuk melindungi motosikal anda, sebaiknya pastikan rantai tersebut dililitkan pada tayar belakang serta rangka motosikal dan bukan pada tayar hadapan. Hal ini dikatakan demikian kerana tayar hadapan mudah dileraikan oleh pencuri. Selain itu, pemilik motosikal juga disarankan mengunci tayar hadapan motosikal dengan palang kunci motosikal yang sedia ada di tempat parkir motosikal. Selain itu, langkah seperti pengesanan melalui

sistem penentududukan (GPS), menyekat fungsi klac tuil dan menanggalkan palam pencucuh juga amat membantu dalam mengesan serta melindungi motosikal daripada dicuri. Adakalanya, meskipun pelbagai langkah pencegahan telah diambil, motosikal tetap dicuri. Oleh itu, bagi meningkatkan potensi untuk mengesan semula motosikal yang dicuri, pemilik dinasihatkan untuk memaklumkan tentang kecurian tersebut di balai polis terdekat dengan serta-merta, iaitu sebaik-baik sahaja kecurian disedari.

Tindakan ini harus diambil sebelum membuat laporan polis. Dengan pemberitahuan segera ini, balai polis tersebut mampu untuk menghebahkan tentang kehilangan motosikal ke balai polis yang terdapat di daerah lain dan mengambil tindakan segera dengan mengesan motosikal yang dicuri serta pelakunya.

Pengesanan semula motosikal adakalanya berlaku serta-merta. Namun begitu, terdapat juga kes yang mengambil masa untuk diselesaikan. Kadangkala hanya kerangka motosikal sahaja yang diperolehi. Malahan, ada juga motosikal yang telah dicuri digunakan oleh sindiket peragut dan penyamun.

Dalam tempoh lima tahun belakangan ini, iaitu bermula tahun 2015 hingga tahun 2020, berlaku penurunan kes curi motosikal, iaitu daripada 38 556 kes kepada 16 058 kes. Penurunan kes ini merupakan hasil usaha pihak polis dalam mengesan semula motosikal yang dicuri serta mencegah jenayah curi motosikal

melalui pelbagai operasi dan pengumpulan maklumat risikan di seluruh negara. Bahkan, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) juga digunakan bagi memerangi sindiket curi motosikal dengan lebih berkesan. Pun begitu, jenayah harta benda ini masih lagi tidak boleh dikategorikan sebagai jenayah yang jarang-jarang berlaku di negara ini.

Menurut kajian Konsultasi Kewangan Deloitte, pada akhir tahun 2019, jenayah curi motosikal memberikan kesan yang serius kepada golongan B40, khususnya dari segi ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana kehilangan motosikal telah menyukarkan pergerakan pemiliknya untuk menjalankan aktiviti ekonomi harian mereka. Lebih-lebih lagi dengan ketiadaan kemudahan pengangkutan alternatif yang mampu dimiliki.

Merujuk analisa Deloitte, sebuah motosikal baharu berharga RM3000, manakala motosikal terpakai pula berharga dalam lingkungan RM1500. Oleh itu, sudah tentulah pembelian motosikal baharu atau terpakai pasti akan memberikan kesan kepada pendapatan bulanan isi rumah golongan B40.

Maka, selain usaha daripada pihak polis dan masyarakat umum, golongan B40 juga harus menitikberatkan langkah pencegahan curi motosikal yang dikemukakan dalam rencana ini. Tidak salah sekiranya sanggup berbelanja lebih dalam memastikan segala kelengkapan antikecurian motosikal dapat dipasang. ▣

ACP Mohamad Farouk Eshak ialah Ketua Polis Daerah Ampang Jaya.